

# PM: Hapuskan birokrasi ketika syarikat asing mahu melabur

Dari muka 1

“Sesetengah syarikat yang menemui kami berkata masih ada kelewatan dalam memberi kelulusan. Saya sangat kecewa mendengarnya kerana kami telah memberi arahan jelas dan kita tidak boleh berlengah lagi.

“Jika anda tangguh enam bulan, negara lain akan memberi kelulusan dalam masa dua bulan. Kita akan terlepas peluang kerana sikap itu. Tetapi untuk berlaku adil, kita telah melakukan yang terbaik di sini kerana kakitangan bekerja sepanjang masa untuk memastikan semuanya berjalan lancar (pertemuan dengan pelabur.)” kata Perdana Menteri memetik laporan *Bernama*.

Anwar berkata demikian pada sidang media hari akhir lawatan kerja empat hari ke New York sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 pada 20 hingga 24 September.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, syarikat aeroangkasa terbesar dunia, Boeing, yang memiliki kilang mengeluarkan sayap di Malaysia memaklumkan hasrat untuk



**ANWAR Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail semasa sesi dialog dan makan malam bersama rakyat dan pelajar Malaysia di New York malam kelmarin.**

mengembangkan pelaburan dengan mengeluarkan sayap dan bahagian-bahagian bagi semua jenis pesawat.

Syarikat itu bertapak di Malaysia melalui Aerospace Composites Malaysia Sdn. Bhd. (ACM), pakatan strategik antara Boeing dan Hexcel Corporation.

“Ini keputusan sangat besar untuk Malaysia. Dengan keputusan ini, hampir semua sayap dengan bahagian-bahagian akan dikeluarkan di Malaysia,” katanya.

Selain itu, kata beliau, beberapa syarikat utama Amerika Syarikat (AS) lain seperti ConocoPhillips, AWS, Google,

Airbnb, Amazon, Amazon Web Services, and Kimberly-Clark juga akan mengembangkan operasi mereka ke Malaysia.

Jelasnya, dua syarikat elektrik dan elektronik utama AS bersedia untuk mengembangkan operasi ke Malaysia, salah satunya ialah Alton Industry Ltd Group (Alton Group).